



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

1 MARCH 2024 (JUMAAT)

Seret Anjing Betina Guna Rantai, Lelaki Dipenjara Sehari Dan Denda RM12,000

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Astro Awani	Berita Malaysia	Online	29 Feb



Tertuduh Tan Chee Keong (baju merah) membuat pengakuan bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Mohd Harith Mohd Mazlan. - Foto Astro AWANI

BUKIT MERTAJAM: Padah menyakiti seekor anjing betina, seorang penjaja dipenjara sehari dan didenda RM12,000 oleh Mahkamah Majistret Bukit Mertajam hari ini selepas mengaku bersalah atas pertuduhan menyeret seekor anjing betina menggunakan rantai, November tahun lepas.

Tertuduh Tan Chee Keong, 45, membuat pengakuan tersebut selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa dalam dialek Hokkien di hadapan Majistret Mohd Harith Mohd Mazlan.

Selain itu, mahkamah turut memerintahkan penjara enam bulan terhadap tertuduh sekiranya denda itu gagal dibayar.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan sesuatu tindakan yang menyebabkan kesakitan tidak wajar iaitu menyeret seekor anjing betina jenis Mongrel berwarna perang di permukaan lantai jalan menggunakan seutas rantai sepanjang 182cm dengan menggunakan motosikal.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di Taman Sukun Indah, Bukit Mertajam pada jam 12.06 tengah malam ,21 November tahun lepas.

tertuduh diwakili peguam Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) Anas Hakimi.

Dalam prosiding itu, Roziman



Tertuduh didakwa melakukan sesuatu tindakan yang menyebabkan kesakitan tidak wajar iaitu menyeret seekor anjing betina jenis Mongrel di permukaan lantai jalan menggunakan seutas rantai. - Foto Astro AWANI

Bagi kesalahan itu tertuduh didakwa mengikut Subseksyen 44(1) (d) Akta Binatang (Pindaan) 2013 (Akta A1452) dan boleh dihukum di bawah Subseksyen 44(1) Akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, boleh di denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Jabatan Veterinar Negeri Roziman Awang Tahrin manakala

memohon mahkamah mengambil kira sensitiviti kes tersebut kerana ia kes tular selain menetapkan hukuman berat berbentuk pengajaran serta mengambil kira tentang kebijakan haiwan.

Bagaimanapun, peguam tertuduh kemudian merayu kepada mahkamah untuk meringankan hukuman terhadap anak guamnya memandangkan ia adalah kesalahan pertama yang dilakukannya.

Katanya, tertuduh juga insaf

dan menyesal atas perbuatannya itu, selain trauma susulan berdepan dengan pertuduhan itu hingga tidak berniaga selama dua bulan yang menyebabkan dia kehilangan pendapatan.

Selain itu, tertuduh yang tidak bekerja perlu menanggung isteri yang juga seorang orang kurang upaya (OKU) serta anak berusia 8 tahun.

Mahkamah kemudian menjatuhkan hukuman penjara sehari dan denda RM12,000 atau penjara 6 bulan sekiranya gagal membayar denda.-

ASTROAWANI

Lelaki Dipenjara Sehari Seret Anjing Dengan Rantai

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
KOSMO!	Terkini	Online	29 Feb



TAN Chee Keong hadir atas kesalahan menyeret seekor anjing di atas jalan dengan motosikal didakwa mengikut Subseksyen 44(1)(d) Akta Binatang (Pindaan) 2013 (Akta A1452) di Mahkamah Majistret Bukit Mertajam. FOTO Danial Saad

Bukit Mertajam: Penjaja makanan dihukum penjara satu hari dan denda RM12,000 selepas mengaku bersalah di Mahkamah Majistret, di sini, hari ini, atas pertuduhan menyeret seekor anjing betina yang diikat rantai menggunakan motosikal dalam kejadian November tahun lalu.

Tertuduh, Tan Chee Keong, 45, membuat pengakuan itu ketika kertas pertuduhan dibacakan jurubahasa dalam dialek Hokkien di hadapan Majistret Mohd Harith Mohd

Mazlan.

Mengikut pertuduhan, bapa kepada seorang anak itu didakwa secara tidak wajar melakukan perbuatan yang menyebabkan kesakitan iaitu menyeret seekor anjing betina baka mongrel di permukaan lantai jalan dengan seutas rantai sepanjang 182 sentimeter (cm) menggunakan motosikal.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di Jalan Sukun Indah, Taman Sukun Indah,

ia memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Kes dikendalikan Pegawai Pendakwa Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang, Roziman Awang Tahrin manakala tertuduh diwakili peguam Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) Anas Hakimi.

Semasa prosiding, Anas merayu supaya mahkamah meringankan hukuman terhadap anak guamnya memandangkan ia adalah kesalahan pertama dan pengakuan awal tertuduh menjimatkan masa mahkamah.

Katanya, tertuduh juga insaf dan menyesal atas perbuatannya itu, selain trauma susulan berdepan dengan pertuduhan berkenaan hingga tidak berniaga selama dua bulan yang menyebabkan dia kehilangan pendapatan.

Selain itu, tertuduh turut menjaga isterinya yang lumpuh dan menyara anak berusia lapan tahun serta berharap denda berbentuk khidmat masyarakat dikenakan.

Bagaimanapun, pihak

pendakwaan hukuman berbentuk pengajaran dikenakan memandangkan ia adalah kes tular dan mengambil kira kebijakan haiwan.

Mahkamah kemudian menjatuhkan hukuman penjara satu hari dan denda RM12,000 terhadap tertuduh serta penjara enam bulan sekiranya gagal membayar denda berkenaan.

Difahamkan, jiran tertuduh sedang berusaha mengumpul dana untuk membayar denda terbabit.-
[MYMETRO](#)

Penjaja Heret Anjing Dipenjara Sehari, Denda RM12,000

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malaysia Gazette	Nasional	Online	29 Feb



Chee Keong mengaku bersalah atas pertuduhan mengheret anjing di atas jalan di Mahkamah Majistret Bukit Mertajam hari ini.

BUKIT MERTAJAM – Mahkamah Majistret di sini, hari ini menjatuhkan hukuman penjara sehari dan denda RM12,000 terhadap seorang penjaja selepas didapati bersalah mengheret seekor anjing di atas jalan menggunakan motosikal pada November tahun lalu.

Majistret Mohd Harith Mohd Mazlan, memutuskan hukuman berkenaan terhadap Tan Chee Keong, 45, selepas dia mengaku bersalah terhadapnya yang dibacakan ke atasnya.

Mahkamah turut memerintahkan, lelaki itu dipenjara enam bulan jika gagal membayar denda.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didapati secara tidak wajar melakukan perbuatan yang menyebabkan kesakitan iaitu menyeret seekor anjing betina baka Mongrel berwarna coklat di permukaan jalan menggunakan seutas rantai sepanjang 182 sentimeter dengan menunggang motosikal jenis Yamaha LC nombor pendaftaran PLQ 9858.



Anjing betina baka Mongrel yang diseret di permukaan jalan oleh tertuduh.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu di Jalan Sukun Indah 1, Taman Sukun Indah di sini jam 12.06 tengah malam pada 21 November lalu.

Bagi kesalahan itu, dia didakwa mengikut Subseksyen 44(1)(d) Akta Binatang (Pindaan) 2013 (Akta A1452) yang boleh dihukum dibawah Subseksyen 44(1) akta sama iaitu denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak lebih setahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Roziman Awang manakala tertuduh diwakili peguam dari Yayasan

Bantuan Kebangsaan (YBGK) Guaman Anas Hakimi.

Ketika prosiding, Roziman meminta tertuduh dikenakan hukuman dalam bentuk pengajaran dengan mengambil kira kepentingan kebajikan haiwan tidak berakal, selain tindakan tertuduh tersebut tular di media sosial.

Bagaimanapun, Anas merayu hukuman ringan susulan tertuduh menyesal dengan perbuatannya selain perlu menyara isteri yang lumpuh serta anak lelaki berusia lapan tahun.-

MALAYSIAGAZETTE

Mekanik Didenda RM15,000 Kerana Cuai Bela Anjing Hingga Cederakan Jiran

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Online	29 Feb



Chee Keong mengaku bersalah atas pertuduhan mengheret anjing di atas jalan di Mahkamah Majistret Bukit Mertajam hari ini.

Ampang: Padah gagal menjaga keperluan seekor anjing sehingga haiwan itu mencederakan jiran, seorang mekanik didenda RM15,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini hari ini.

Hakim Wan Mohd Norisham Wan Yaakob menjatuhkan hukuman itu ke atas pemilik anjing, Yee Chan Fai, 37, selaku Orang Kena Saman (OKS) selepas dia mengaku bersalah kerana gagal mengambil langkah munasabah untuk memastikan keperluan haiwan itu dipenuhi sehingga menyebabkan kecederaan di

sebuah rumah di Taman Saga di sini, pada 9 pagi, 24 Mei 2022.

Bapa dua anak itu didakwa mengikut Seksyen 24 (1)(a)(v) Akta Kebajikan Haiwan 2015 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24(3) akta sama yang membawa hukuman denda minimum RM15,000 dan tidak lebih RM75,000 atau penjara maksimum dua tahun atau kedua-duanya.

Mahkamah turut memerintahkan OKS dipenjara tiga bulan jika

gagal membayar denda.

Sebelum menjatuhkan hukuman, Wan Mohd Norisham berkata, lelaki itu seharusnya mengawal dan mengikat anjingnya di dalam pagar rumah supaya tidak mencederakan orang awam.

"Haiwan ini tidak boleh bercakap, kamu seharusnya tidak menganiaya dan mengabaikannya. Anjing itu milik kamu, kamu biar pagar terbuka sehingga ia mengejar dan mencederakan orang lain.

"Dalam kes ini, pengadu yang juga mangsa turut cedera dan alami kerugian kerana perlu membayar denda. Anjing kamu pun dicederakan kerana sifat cuai kamu," kata hakim itu.

Pegawai Pendakwa Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor Mohd Sharif Sabran memohon mahkamah menjatuhkan hukuman berat terhadap OKS mengambil kira faktor keselamatan orang awam dan sebagai pengajaran kepada pemilik anjing yang lain.

"Pengadu (jiran) sebelum ini sudah didenda RM23,000 kerana memukul anjing itu, tidak termasuk kos guaman dan kos perubatan yang perlu ditanggung beliau. Mohon mahkamah turut mengambil kira faktor ini,"

katanya.

Peguam Wan Nur Afifah Che Bakar yang mewakili OKS memohon hukuman berbentuk denda ringan atas alasan anak guamnya menanggung ibu bapa, kakak serta dua anak berusia enam dan lapan tahun.

"OKS tidak pernah disabitkan atas sebarang kesalahan sebelum ini dan dia sudah insaf dan berjanji tidak akan mengulangi kesalahan sama di masa akan datang," katanya.

Mengikut fakta kes, pengadu melarikan diri ketika diserang anjing kepunyaan OKS sehingga beliau terjatuh dan mengalami kecederaan di bahagian lutut, siku selain lebam di bahagian muka.

Pengadu kemudian mengejar semula anjing itu sebelum memukulnya dengan sebatang kayu sehingga ia berdarah di bahagian ekor.-[MYMETRO](#)

Mekanik Didenda RM15,000 Gagal Jaga Keperluan Anjing Miliknya

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Astro Awani	Berita Malaysia	Online	29 Feb



Yee Chan Fai didenda RM15,000 kerana gagal menjaga keperluan haiwan peliharaannya sehingga anjing itu cedera di bahagian ekor akibat dipukul jiran. - Foto Bernama

KUALA LUMPUR: Seorang mekanik didenda RM15,000 oleh Mahkamah Sesyen Ampang di sini hari ini, kerana gagal menjaga keperluan haiwan peliharaannya sehingga anjing itu cedera di bahagian ekor akibat dipukul jiran.

Hakim Wan Mohd Norisham Wan Yaakob menjatuhkan hukuman itu terhadap Yee Chan Fai, 37, selaku Orang Kena Saman (OKS) selepas dia mengaku bersalah gagal mengambil langkah munasabah untuk memastikan keperluan haiwan itu dipenuhi

sehingga menyebabkan kecederaan di sebuah rumah di Taman Saga di sini pada 9 pagi, 24 Mei 2022.

Lelaki itu didakwa mengikut Seksyen 24 (1)(a)(v) Akta Kebajikan Haiwan 2015 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(3) akta sama yang membawa hukuman denda minimum RM15,000 dan tidak lebih RM75,000 atau penjara maksimum dua tahun atau kedua-duanya.

Mahkamah turut memerintahkan OKS dipenjara tiga bulan jika

gagal membayar denda.

Sebelum menjatuhkan hukuman, Wan Mohd Norisham berkata OKS seharusnya mengawal dan mengikat anjingnya di dalam pagar rumah agar tidak mencederakan orang awam.

"Haiwan ini tidak boleh bercakap, kamu seharusnya tidak menganiaya dan mengabaikannya. Anjing itu milik kamu, kamu biar pagar terbuka sehingga haiwan ini mengejar dan mencederakan orang lain.

"Dalam kes ini, pengadu yang juga mangsa turut cedera dan alami kerugian kerana perlu bayar denda. Anjing kamu pun dicederakan kerana sifat cuai kamu," kata hakim itu.

Pegawai Pendakwa daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor Mohd Sharif Sabran memohon mahkamah menjatuhkan hukuman berat terhadap OKS mengambil kira faktor keselamatan orang awam dan sebagai pengajaran kepada pemilik anjing yang lain.

"Pengadu sebelum ini telah didenda RM23,000 kerana memukul anjing itu, tidak termasuk kos guaman dan kos perubatan yang perlu ditanggungnya. Mohon mahkamah turut mengambil

kira faktor ini," katanya.

Peguam Wan Nur Afifah Che Bakar yang mewakili OKS memohon hukuman berbentuk denda ringan atas alasan anak guamnya menanggung ibu bapa, kakaknya serta dua anak berusia enam dan lapan tahun.

"OKS tidak pernah disabitkan atas sebarang kesalahan sebelum ini dan dia telah insaf dan berjanji tidak akan mengulangi kesalahan sama pada masa akan datang," katanya.-[ASTROAWANI](#)

Mekanik Didenda RM15,000, Anjing Peliharaan Cederakan Jiran

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita Harian	Berita	Online	29 Feb



GAMBAR HIASAN

AMPANG: Padah gagal menjaga keperluan seekor anjing sehingga haiwan itu mencederakan jiran, seorang mekanik didenda RM15,000 oleh Mahkamah Sesyen hari ini.

Hakim Wan Mohd Norisham Wan Yaakob menjatuhkan hukuman itu ke atas pemilik anjing, Yee Chan Fai, 37, selaku Orang Kena Saman (OKS) selepas dia mengaku bersalah kerana gagal mengambil langkah munasabah untuk memastikan keperluan haiwan itu dipenuhi sehingga menyebabkan kecederaan di

sebuah rumah di Taman Saga di sini, pada 9 pagi, 24 Mei 2022.

Bapa dua anak itu didakwa mengikut Seksyen 24 (1)(a)(v) Akta Kebajikan Haiwan 2015 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(3) akta sama yang membawa hukuman denda minimum RM15,000 dan tidak lebih RM75,000 atau penjara maksimum dua tahun atau kedua-duanya.

Mahkamah turut memerintahkan OKS dipenjara tiga bulan jika

gagal membayar denda.

Sebelum menjatuhkan hukuman, Wan Mohd Norisham berkata lelaki itu seharusnya mengawal dan mengikat anjingnya dalam pagar rumah supaya tidak mencederakan orang awam.

"Haiwan ini tidak boleh bercakap, kamu seharusnya tidak menganiaya dan mengabaikannya. Anjing itu milik kamu, kamu biar pagar terbuka sehingga ia mengejar dan mencederakan orang lain.

"Dalam kes ini, pengadu yang juga mangsa turut cedera dan alami kerugian kerana perlu membayar denda. Anjing kamu pun dicederakan kerana sifat cuai kamu," kata hakim itu.

Pegawai Pendakwa Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor Mohd Sharif Sabran memohon mahkamah menjatuhkan hukuman berat terhadap OKS mengambil kira faktor keselamatan orang awam dan sebagai pengajaran kepada pemilik anjing yang lain.

Mangsa dicederakan anjing didenda RM23,000

"Pengadu (jiran) sebelum ini sudah didenda RM23,000 kerana memukul anjing itu, tidak termasuk kos guaman dan kos perubatan yang

perlu ditanggung beliau. Mohon mahkamah turut mengambil kira faktor ini," katanya.

Peguam Wan Nur Afifah Che Bakar yang mewakili OKS memohon hukuman berbentuk denda ringan atas alasan anak guamnya menanggung ibu bapa, kakak serta dua anak berusia enam dan lapan tahun.


"OKS tidak pernah disabitkan atas sebarang kesalahan sebelum ini dan dia sudah insaf dan berjanji tidak akan mengulangi kesalahan sama pada masa akan datang," katanya.

Mengikut fakta kes, pengadu melarikan diri ketika diserang anjing kepunyaan OKS sehingga beliau terjatuh dan mengalami kecederaan di bahagian lutut, siku selain lebam di bahagian muka.

Pengadu kemudian mengejar semula anjing itu sebelum memukulnya dengan sebatang kayu sehingga ia berdarah di ekor.-[BHONLINE](#)

Mekanik Didenda RM15,000 Kerana Cuai Bela Anjing Hingga Cederakan Jiran

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita Harian	Berita	Online	29 Feb



GAMBAR HIASAN

Ampang: Padah gagal menjaga keperluan seekor anjing sehingga haiwan itu mencederakan jiran, seorang mekanik didenda RM15,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini hari ini.

Hakim Wan Mohd Norisham Wan Yaakob menjatuhkan hukuman itu ke atas pemilik anjing, Yee Chan Fai, 37, selaku Orang Kena Saman (OKS) selepas dia mengaku bersalah kerana gagal mengambil langkah munasabah untuk memastikan keperluan haiwan itu dipenuhi sehingga menyebabkan kecederaan di

sebuah rumah di Taman Saga di sini, pada 9 pagi, 24 Mei 2022.

Bapa dua anak itu didakwa mengikut Seksyen 24 (1)(a)(v) Akta Kebajikan Haiwan 2015 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24(3) akta sama yang membawa hukuman denda minimum RM15,000 dan tidak lebih RM75,000 atau penjara maksimum dua tahun atau kedua-duanya.

Mahkamah turut memerintahkan OKS dipenjara tiga bulan jika

gagal membayar denda.

Sebelum menjatuhkan hukuman, Wan Mohd Norisham berkata, lelaki itu seharusnya mengawal dan mengikat anjingnya di dalam pagar rumah supaya tidak mencederakan orang awam.

"Haiwan ini tidak boleh bercakap, kamu seharusnya tidak menganiaya dan mengabaikannya. Anjing itu milik kamu, kamu biar pagar terbuka sehingga ia mengejar dan mencederakan orang lain.

"Dalam kes ini, pengadu yang juga mangsa turut cedera dan alami kerugian kerana perlu membayar denda. Anjing kamu pun dicederakan kerana sifat cuai kamu," kata hakim itu.

Pegawai Pendakwa Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor Mohd Sharif Sabran memohon mahkamah menjatuhkan hukuman berat terhadap OKS mengambil kira faktor keselamatan orang awam dan sebagai pengajaran kepada pemilik anjing yang lain.

"Pengadu (jiran) sebelum ini sudah didenda RM23,000 kerana memukul anjing itu, tidak termasuk kos guaman dan kos perubatan yang perlu ditanggung beliau. Mohon mahkamah turut mengambil kira faktor ini,"

katanya.

Peguam Wan Nur Afifah Che Bakar yang mewakili OKS memohon hukuman berbentuk denda ringan atas alasan anak guamnya menanggung ibu bapa, kakak serta dua anak berusia enam dan lapan tahun.

"OKS tidak pernah disabitkan atas sebarang kesalahan sebelum ini dan dia sudah insaf dan berjanji tidak akan mengulangi kesalahan sama di masa akan datang," katanya.

Mengikut fakta kes, pengadu melarikan diri ketika diserang anjing kepunyaan OKS sehingga beliau terjatuh dan mengalami kecederaan di bahagian lutut, siku selain lebam di bahagian muka.

Pengadu kemudian mengejar semula anjing itu sebelum memukulnya dengan sebatang kayu sehingga ia berdarah di bahagian ekor.-[HMETRO](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR